

Beberapa kawasan sebelum ini tidak hadapi bencana – Wan Junaidi

Kaji kawasan baharu alami banjir

Oleh **SITI NORHAWA MOHD. ALI**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 20 MAC**

KEMENTERIAN Sumber Asli dan Alam Sekitar telah mengarahkan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membuat kajian baharu berikutan beberapa kawasan yang sebelum ini tidak pernah mengalami banjir semakin kerap dilanda bencana itu.

Menterinya, Datuk Seri Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, kajian melibatkan taburan hujan di kawasan tertentu yang dijangka siap pada April nanti akan menyebabkan kos Program Ramalan dan Amaran Banjir (PRAB) meningkat daripada jumlah yang diperuntukkan iaitu sebanyak

RM550 juta.

Katanya, antara kawasan baharu yang dikesan berisiko mengalami banjir adalah seperti di Sarawak, Pulau Pinang dan beberapa kawasan lain.

“Bagi kos yang diperuntukkan itu, kita buat kajian menggunakan data dan maklumat pada tahun 2014. Tetapi pada tahun 2016 dan 2017, JPS mengesan beberapa kawasan yang sebelum ini bukan kawasan banjir mula dilanda bencana itu.

“Oleh itu, bagi memastikan PRAB dapat mencapai semua kawasan termasuk kawasan yang sebelum ini tidak berisiko banjir, satu lagi kajian menggunakan data terbaharu perlu dibuat bagi memastikan amaran awal bagi ka-



WAN JUNAIDI

wasan berisiko banjir di seluruh negara dapat dilaksanakan dengan efektif,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN) di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Datuk

Ir. Dr. Md. Nasir Md. Noh.

Bercakap mengenai PRAB, Wan Junaidi berkata, penubuhannya mampu mempertingkatkan keupayaan ramalan dan amaran awal banjir seterusnya dapat disampaikan kepada semua pihak yang berkepentingan seperti Pasukan Agensi Pengurusan Bencana Negara (Nadma) agensi penyelamat dan orang awam.

Katanya, bagi fasa satu, ramalan dan amaran banjir beroperasi di tiga lembangan sungai utama sahaja iaitu Sungai Kelantan, Sungai Pahang dan Sungai Terengganu.

“Kita telah menggunakan PRAB buat kali pertama semasa banjir di Kelantan tahun lalu dan kadar ketepatan yang diukur adalah sebanyak 90 peratus. Program ini bukan sahaja mengukur keluasan kawasan banjir, tetapi ketinggian dan kedalaman banjir.

“Manakala untuk fasa seterusnya akan dilaksanakan di 37 lembangan sungai utama di seluruh negara bermula pada tahun 2018 dan dijangka siap pada tahun 2022. Dengan siap sepenuhnya PRAB ini nanti, dianggarkan sebanyak 70 peratus kawasan banjir di seluruh negara akan mempunyai sistem ramalan dan amaran banjir,” katanya.